

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HGT 211 Teknik-Teknik dalam Geografi I

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. KEDUA-DUA soalan daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian B dan C.

Pelajar-pelajar tidak dibenarkan menconteng Peta Topo yang disediakan semasa peperiksaan ini. Semua pelajar dikehendaki menulis nombor peta topo yang digunakan.

BAHAGIAN A - Jawab KEDUA-DUA soalan

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai buat nota tiga (3) daripada yang berikut:
 - (a) Kaedah Lawrence dalam interpolasi peta (2.5 markah)
 - (b) Kaedah Strugi dan penentuan selang kelas (2.5 markah)
 - (c) Kaedah Flannery dalam peta taburan (2.5 markah)
 - (d) Hubungan antara saiz titik dengan nilai titik (2.5 markah)
2. Semua soalan adalah berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia Siri L7030, Kuala Terengganu (Lembar 4365). Semua jawapan hendaklah berdasarkan bukti-bukti daripada peta sahaja.
 - (a) Lukis dan namakan pola-pola saliran yang terdapat dalam Lembangan Saliran Sg. Gali. (5 markah)

.../2

- (b) Lukis sempadan kawasan legeh bagi Lembangan Saliran Sg. Gali dan kirakan keluasan legeh tersebut.

(10 markah)


- (c) Nayatakan kaedah-kaedah yang telah digunakan di dalam peta Kuala Terengganu untuk menunjukkan ketinggian sesuatu tempat. Berikan contoh untuk setiap satu kaedah.

(5 markah)

- (d) Lukis sebuah keratan rentas dari Bt. Pak Din (PG 729786) ke Bt. Anak Ring (PG 751774). Gunakan skala tegak 1sm : 200m. Kirakan purata kecerunan antara kedua-dua tempat ini.

(10 markah)

- (e) Dengan menggunakan skala 1:25,000 lukis semula kawasan X yang diliputi oleh grid-grid berikut:



(10 markah)

BAHAGIAN B - Jawab SATU soalan

3. Dengan merujuk kepada peta Siri L7030 - Kuala Terengganu huraikan peringkat-peringkat pentafsiran peta topografi dari aspek pandang darat fizikalnya. Berikan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

4. Huraikan jenis-jenis dan pola-pola petempatan yang terdapat dalam peta Siri L7030 - Kuala Terengganu. Berikan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

BAHAGIAN C - Jawab SATU soalan

5. Merujuk kepada kerja ukur rantai, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Andaikan anda mempunyai rantai sepanjang 100 meter. Dengan bantuan lakaran sendiri, huraikan dengan ringkas tiga (3) kaedah yang boleh anda gunakan untuk mengukur sebuah tasik yang panjangnya 200 meter.

(10 markah)

- (b) Rajah 1 adalah sebuah kawasan rekreasi yang datar dengan keluasan 2 hektar. Kawasan tersebut disempadani oleh jalanraya, pagar, sungai dan tasik. Kawasan ini dipenuhi oleh padang rumput dengan di dalamnya terdapat sebuah rumah dan sebuah kolam menternak ikan. Dengan menggunakan kaedah ukur rantai, tunjukkan stesen-stesen utama dan sub-sub-stesen serta lukiskan garisan-garisan ukur seperti garisan asas, garisan semak, garisan rantai dan garisan butiran (opset) bagi membantu kerja-kerja ukur anda nanti. Tandakan dan bezakan garisan-garisan yang telah anda buat tadi.

(15 markah)

6. Rajah 2 menunjukkan min suhu tahunan (C) bagi 33 stesen cuaca di Thailand.


- (a) Lengkapkan rajah tersebut dengan melukis garisan-garisan isoterma dengan selang kelas yang sesuai. Lorekkan kawasan-kawasan yang berlainan suhu dengan skema lorekan yang sesuai.

(15 markah)

- (b) Apakah ciri-ciri utama pola taburan suhu di Thailand.

(10 markah)

RAJAH 1



RAJAH 2

